

Lori punca kesesakan, kemalangan?

UTUSAN: Perlukah kerajaan memperkenalkan undang-undang baharu termasuk mengehadkan pergerakan lori atau treler di lebuh raya pada musim cuti dan perayaan bagi mengurangkan kesesakan serta kemalangan?

TEIK HUA: Undang-undang perlu lebih ketat dan perlu hadkan masa tertentu kepada lori yang menggunakan lebuh raya. Kita kena ingat lori bersaiz besar, ada banyak titik hitam di mana pemandu dan penunggang motosikal tidak dapat dilihat apabila kedudukan mereka di situ. Selain itu, lori ini dipandu laju terutama apabila tiada muatan.

Bagaimana anda melihat isu lori tidak diselenggara dengan baik sehingga rosak terutama kes membabitkan tayar pecah yang akhirnya menyebabkan kesesa-

MUKADIMAH

5 Soalan

MASALAH kesesakan jalan raya antara perkara membebankan ketika musim cuti sekolah atau perayaan. Lebih parah apabila berlakunya kemalangan khususnya membabitkan kenderaan berat.

Ini bukan isu baharu dan ia berkait rapat terutama pada musim perayaan atau cuti berkembar, namun nampaknya seperti tidak berkesudahan walaupun pelbagai kempen dan penguatkuasaan telah dilakukan kerajaan. Ikuti temubual wartawan *Utusan Malaysia*, **MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI** bersama Ketua Pengarah Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM), **PROF. MADYA DR. LAW TEIK HUA** mengenai isu ini.



kan atau berisiko kemalangan?

TEIK HUA: Lori di negara kita biasa guna tayar celup dan tayar toreh. Tayar toreh berbahaya tapi tayar celup ada yang dibenarkan dan ada yang diharamkan. Di sini kerajaan perlu bertindak. Kenakan tindakan

kepada pengilang haram yang buat tayar toreh dan tayar celup tidak mengikut piawaian. Tetapi jika nak haramkan tidak boleh. Mungkin kerajaan boleh kurangkan cukai kepada kenderaan komersial supaya mereka boleh gunakan tayar berkualiti.

Selain itu, tabiat pemandu di Malaysia ini yang suka memperlakukan kenderaan untuk melihat kemalangan juga menyumbang kepada kesesakan. Kenapa sampai sekarang tabiat ini tidak berubah?

TEIK HUA: Ini lumrah manusia. Di negara lain juga berlaku.

Adakah pihak berkuasa perlu mencontohi negara luar memperkenalkan sistem untuk mengenal pasti pesalah trafik?

TEIK HUA: Teknologi sebenarnya ada untuk kenal pasti pesalah. Contohnya Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES). Kalau tiada pun ia masih boleh dibuat. Cuma penerimaan orang kita. Ini memerlukan kajian terperinci.

Adakah penguatkuasaan undang-undang tidak cukup kuat?

TEIK HUA: Ada dua aspek pertama penguatkuasaan dan kedua kejuruteraan. Sebagai contoh isu bawa kereta melawan arus. Adakah disengajakan atau tidak? Adakah 'sign' tu sudah cukup untuk memberi panduan kepada pengguna? Kedua AES. Bilangan sepatutnya perlu ditambah dan pelbagaikan teknologi yang lain.